



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA KPWKM MEMANDANG SERIUS ISU JENAKA ROGOL DI SEKOLAH

Isu yang tular berkenaan perbuatan seorang guru yang didakwa membuat jenaka rogol sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran tidak boleh dianggap remeh dan wajar dikenakan tindakan tegas jika terbukti berlaku.

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya memandang serius perkara ini dan melihat tindakan sebegini sebagai perbuatan yang tidak profesional. Kita tidak mahu “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”. Dalam hubungan ini, sebagai orang dewasa, kita perlu mempunyai kesedaran mengenai batas percakapan, terutamanya ketika berkomunikasi agar kanak-kanak yang sedang mengikuti sesi pembelajaran tidak merasa terganggu emosi mereka dengan akhlak dan perlakuan guru mereka.

Di samping itu, dalam apa juu situasi sekalipun, perkara sedemikian tidak seharusnya dijadikan sebagai bahan jenaka kerana perbuatan rogol itu adalah perbuatan jenayah yang sama sekali tidak wajar menjadi satu galakan kepada anak murid.

Kanak-kanak seharusnya berada di dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif, selamat, bebas dan dilindungi daripada sebarang ancaman termasuk gangguan seksual dan eksplorasi. Dalam hal ini, tindakan sewajarnya perlu diambil mengikut garis panduan dan peraturan yang berkuatkuasa bagi setiap kes yang diperakukan kesahihannya. Sesungguhnya pihak Kerajaan tidak

akan berkompromi dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan gangguan seksual dan pelanggaran hak dan kebajikan kanak-kanak. Tindakan tegas perlu diambil kepada pesalah yang terlibat dengan sebarang salah laku yang melibatkan kanak-kanak.

KPWKM juga sedang mengkaji secara menyeluruh Dasar Kanak-Kanak Negara dengan menitikberatkan agar kanak-kanak bebas daripada segala perkara negatif melalui langkah advokasi, pencegahan dan khidmat sokongan. Penggubalan Undang-undang Anti-Gangguan Seksual juga sedang digubal dan dalam penelitian akhir pihak Kerajaan untuk memastikan penguatkuasaan akta dan peraturan yang lebih baik dapat dilaksanakan.

KPWKM akan terus komited meningkatkan kesedaran melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha melindungi hak kanak-kanak dan menangani isu gangguan seksual. Kita mestilah menghentikan jenaka-jenaka berunsur seksual seperti rogol dan *body shaming* apatah lagi memberikan contoh-contoh yang tidak bersesuaian dalam aspek memberikan kesedaran tentang gangguan seksual terhadap pelajar di sekolah mahupun kepada masyarakat secara umumnya. Tindakan-tindakan seperti ini, termasuk perlakuan *victim blaming* adalah amat tidak wajar dinormalisasi kerana ia memberikan satu mesej yang tidak sihat kepada masyarakat dan dikhuatiri akan menyumbang kepada perlakuan jenayah.

Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama semua pihak.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 APRIL 2021**

#Tamat#